



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

**HEBAHAN PEMAKLUMAN
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2021
PINDAAN SYARAT LANTIKAN BAGI 12 SKIM PERKHIDMATAN**

1. Merujuk kepada PP Bil.02/2021 Pindaan Syarat Lantikan Bagi 12 Skim Perkhidmatan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), **berkuat kuasa 1 Julai 2021**, terdapat **pindaan kepada syarat lantikan untuk 10 skim perkhidmatan** di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA).
2. Pindaan syarat lantikan ini melibatkan senarai 10 skim perkhidmatan di bawah SPA iaitu:
 - (a) **Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41;**
 - (b) **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29;**
 - (c) **Pegawai Perikanan Gred G41;**
 - (d) **Arkitek Gred J41;**
 - (e) **Jurutera Gred J41;**
 - (f) **Juruukur Bahan Gred J41;**
 - (g) **Penolong Juruukur Gred JA29;**
 - (h) **Pegawai Undang-Undang Gred L41;**
 - (i) **Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S19; dan**
 - (j) **Pegawai Dietetik Gred U41.**

3. Bagi skim perkhidmatan Arkitek, Jurutera dan Jurukur Bahan, calon hendaklah berdaftar dengan Lembaga berkaitan sebagai syarat tambahan pelantikan selain daripada memiliki kelayakan akademik.
4. Pindaan syarat lantikan terbaharu bagi semua 10 skim perkhidmatan berikut boleh dirujuk di Portal JPA Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2021 pautan <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2021/pp022021.pdf>
5. Semua pelantikan baharu ke skim perkhidmatan yang terlibat akan menggunakan syarat lantikan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
14 JULAI 2021